



## MEDIA CLIPPING

<b>Client :</b>	<b>Matrix Concepts Holdings Berhad</b>	<b>Date :</b>	<b>17 November 2015</b>
<b>Media :</b>	<b>Bernama</b>	<b>Section :</b>	<b>Business</b>
<b>Language:</b>	<b>Malay</b>		

### **"Matrix Q3 Pre-Tax Profit Falls to RM40.21 Million"**

#### **Untung Pracukai Suku Ketiga Matrix Merosot Kepada RM40.21 Juta**

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Keuntungan sebelum cukai Matrix Concepts Holdings Bhd bagi suku ketiga berakhir 30 Sept, 2015, merosot kepada RM40.21 juta daripada RM58.45 juta yang dicatatkan setahun lepas.

Pendapatan pula susut 18 peratus kepada RM121.37 juta daripada RM148.82 juta sebelum ini, disebabkan tempoh masa pengiktirafan pendapatan seiring dengan peringkat penyiapan projek syarikat itu.

Bagaimanapun, bagi tempoh sembilan bulan berakhir 30 Sept, 2015, pendapatan syarikat itu meningkat 25.1 peratus kepada RM559.4 juta daripada RM447.3 juta pada tahun sebelum ini.

Syarikat itu menjelaskan jualan baharu harta tanah yang lebih tinggi bernilai RM611.8 juta bagi sembilan bulan itu, telah menjual lebih 38.1 peratus harta tanah berbanding RM433 juta yang dicapai pada tahun sebelum ini.

Pengerusinya, Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin berkata prestasi jualan kukuh itu menunjukkan minat pembeli terhadap konsep perbandaran bersepadu yang segera menjadi kenyataan di Bandar Sri Sendayan.

"Ini mendorong pencapaian kami sebagai pemaju utama harta tanah berkualiti dan mampu milik," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata projek yang baru dilancarkan di Bandar Sri Sendayan, dengan nilai pembangunan kasar keseluruhan RM364 juta, mencatat purata kadar pembelian kira-kira 75 peratus dalam tempoh lima bulan sahaja.

"Ini memberi kenaikan besar dalam jualan belum dibil kami daripada RM540 juta setakat 30 Jun, 2015 kepada RM640.5 juta setakat 30 Sept, 2015, hingga terakhir pada 2018," kata Mohamad Haslah.